

**BANK ISLAM DEBIT CARD-i
TERMS & CONDITIONS**

1. Overview

The Terms and Conditions herein shall apply to all Bank Islam Debit Card-i ("Card") issued by Bank Islam Malaysia Berhad ("the Bank") and shall be read together with the Terms and Conditions of Bank Islam Internet and Mobile Banking, Frequently Asked Questions (FAQ) for Bank Islam's Internet Banking and terms and conditions of relevant Account(s) (as hereinafter defined) which is available at the Bank's website www.bankislam.com.

Bank Islam Debit Card-i is one of the methods of payment which allows Cardholder to use Bank Islam's services and perform payment transaction directly from Cardholder's account in Bank Islam to any participating retail and service outlets. Cardholders are required to maintain an account with Bank Islam and to be linked to their Bank Islam Debit Card-i. If the said account is closed, the Bank Islam Debit Card-i will be automatically cancelled.

Bank Islam Debit Card-i is based on the concept of Ujrah where a payment is made by a party for the utilization of services rendered by the other party. Ujrah occurs when the Cardholder agrees and paid for the fees and charges imposed by Bank Islam for the services rendered through the usage of the Card.

2. Ownership of the Card

The Card remains the property of the Bank at all times and is not transferable to another person. The Bank may suspend the use of the Card by serving notice to Cardholder in accordance with its usual practice and in accordance with any applicable law in Malaysia. Upon

**TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT KAD
DEBIT-i BANK ISLAM**

1. Gambaran Keseluruhan

Terma-terma dan Syarat-syarat dalam ini hendaklah terpakai ke atas semua Kad Debit-i Bank Islam ("Kad") yang dikeluarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank") dan hendaklah dibaca bersama dengan '*Terms and Conditions of Bank Islam Internet and Mobile Banking*', Soalan-soalan Lazim untuk Perbankan Internet Bank Islam dan terma dan syarat Akaun (seperti yang ditakrifkan selepas ini) yang berkaitan yang terdapat di laman web Bank www.bankislam.com.

Kad Debit-i Bank Islam adalah merupakan salah satu kaedah pembayaran yang membolehkan Pemegang Kad menggunakan perkhidmatan Bank Islam dan membuat transaksi pembayaran secara terus dari akaun Pemegang Kad di Bank Islam ke premis rangkaian-rangkaian perniagaan dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Pemegang Kad perlu mempunyai akaun di Bank Islam agar ia dapat dihubungkan dengan Kad Debit-i Bank Islam anda. Jika akaun tersebut ditutup, perkhidmatan Kad Debit-i Bank Islam akan dibatalkan secara automatik.

Kad Debit-i Bank Islam adalah berasaskan konsep Ujrah iaitu suatu pembayaran yang dibuat oleh satu pihak di atas penggunaan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak yang satu lagi. Ujrah berlaku apabila Pemegang Kad bersetuju dan membayar fi-fi atau caj-caj yang dikenakan oleh Bank Islam ke atas penggunaan perkhidmatan yang disediakan menggunakan Kad.

2. Pemilikan Kad

Kad kekal sebagai harta Bank pada setiap masa dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain. Bank boleh menggantung penggunaan Kad dengan memberi notis kepada Pemegang Kad mengikut amalan biasa dan mengikut mana-mana undang-

receiving of the Bank's notice or upon closure of the Account, the Cardholder shall return the Card to the Bank after cutting the magnetic stripe and the chip.

3. Accepting Term and Conditions

The Bank may agree to issue the Card to an authorised registered accountholder upon receiving a request in the form of a signed application form. The accountholder is advised to read and understand these Terms and Conditions before agreeing to subscribe for any product or services, uses the Card, and/or participate in any of Bank's campaigns and promotions.

4. Definitions

In these Terms and Conditions, where the context so admits the following words shall have the meanings set out against them: -

"Account"	Current account, savings account and/or transactional investment account opened under the Cardholder's name with the Bank which is linked with the Card;
"Account Statement"	The periodic statement issued by the Bank to the accountholder/ Cardholder which shows the transactions posted to the Account;
"Acquirer"	Any person that provides merchant acquiring services;
"At Not On-Us Merchant"	Any transaction in which the Acquirer and the Issuer are not the same party;
"At On-Us Merchant"	Any transaction in which the Acquirer and the Issuer are the same party;

undang di Malaysia. Apabila menerima notis Bank atau semasa penutupan Akaun, Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad kepada Bank selepas memotong jalur magnetik dan cip.

3. Penerimaan Terma Dan Syarat

Bank boleh bersetuju untuk mengeluarkan Kad kepada pemegang akaun berdaftar yang diberi kuasa setelah menerima permintaan dalam bentuk borang permohonan yang telah ditandatangani. Pemegang akaun dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum bersetuju untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan, menggunakan Kad, dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen atau promosi Bank.

4. Definisi

Dalam Terma dan Syarat ini, yang mana konteks memerlukan, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai maksud yang telah ditetapkan ke atasnya:-

"Akaun"	Akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun pelaburan bertransaksi yang dibuka atas nama Pemegang Kad dengan Bank yang dihubungkan dengan Kad;
"Penyata Akaun"	Penyata berkala yang dikeluarkan oleh Bank kepada pemegang akaun/ Pemegang Kad yang menunjukkan transaksi yang berlaku dalam Akaun;
"Pemeroleh"	Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan memperoleh saudagar;
"Saudagar Bukan Kendalian Kami"	Mana-mana transaksi iaitu Pemeroleh dan Pengeluar Kad bukan pihak yang sama;
"Saudagar Kendalian Kami"	Mana-mana transaksi iaitu Pemeroleh dan Pengeluar Kad ialah pihak yang sama;

"ATM"	Automated Teller Machine or card machine which accepts the Card but not limited to machines owned by the Bank or owned by the Visa/Mastercard ATM network;	"ATM"	Mesin Juruwang Automatik atau mesin kad yang menerima Kad tetapi tidak terhad kepada mesin-mesin milik Bank atau milik rangkaian ATM Visa/Mastercard;
"Authorised Cash Outlet"	Any bank, ATM or outlet which are authorised to accept Visa, Visa Plus, Mastercard, MyDebit or any other brand owners of which the Bank is a member for cash withdrawal;	"Pusat Pengeluaran Tunai Sah"	Mana-mana bank, ATM atau kedai yang dibenarkan untuk menerima Visa, Visa Plus, Mastercard, MyDebit atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli bagi pengeluaran tunai;
"Authorised Merchant"	The establishments supplying goods and/or services which accept the Card as a form of payment;	"Saudagar Sah"	Pihak yang menyediakan barang dan/atau perkhidmatan yang menerima Kad sebagai bentuk pembayaran;
"Banking Services"	Products and services of Bank Islam that are made available to the customer on Bank Islam's Internet Banking Services.	"Perkhidmatan Bank"	Produk atau perkhidmatan Bank Islam yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet Bank Islam
"Card"	Bank Islam Visa/Mastercard Debit Card-i and/ or Minor Card;	"Kad"	Kad Debit-i Bank Islam Visa/Mastercard dan/ atau Kad Minor;
"Debit Card-i"	Any Debit Card-i issued by the Bank to the Cardholder providing electronic access to the Cardholder's Account, and to allow the Cardholder to effect any transactions subject to the terms and conditions contained herein;	"Kad Debit-i"	Mana-mana Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang menyediakan akses elektronik kepada Akaun Pemegang Kad dan untuk membenarkan Pemegang Kad melaksanakan sebarang transaksi tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini;
"Card Transaction"	Transaction conducted using the Card;	"Transaksi Kad"	Transaksi yang dilakukan menggunakan Kad;
"Cardholder"	Any person whom a Visa/Mastercard Debit Card-i has been issued to by the Bank;	"Pemegang Kad"	Individu di mana Kad Debit-i Visa/Mastercard dikeluarkan oleh Bank;
"Cash Withdrawal"	Cash withdrawn from any bank, ATM or cash outlet which are authorised to accept Visa, Visa Plus, Mastercard, MyDebit, MEPS	"Pengeluaran Tunai"	Wang tunai yang dikeluarkan dari mana-mana bank, ATM atau pusat pengeluaran tunai yang dibenarkan untuk menerima logo

	or any other brand owners of which the Bank is a member;		Visa, Visa Plus, Mastercard, MyDebit, MEPS atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli;
"Card Not Present (CNP) transaction"	The transaction effected without physically presenting the Visa/Mastercard Debit Card-i at the point of sale such as E-Commerce (online), direct debit and Mail Order and Telephone Order (MOTO) transactions.	"Transaksi Tanpa Kad"	Transaksi yang dilakukan tanpa mengemukakan Kad Debit-i Visa/Mastercard fizikal sewaktu pembelian seperti transaksi melalui internet, transaksi debit secara langsung, dan transaksi <i>Mail Order Telephone Order (MOTO)</i> ;
"Current Balance"	Balance available in the Account after deducting the purchase of goods and services and the Cash Withdrawal;	"Baki Semasa"	Baki yang terdapat dalam Akaun selepas penolakan jumlah pembelian barangan dan perkhidmatan dan Pengeluaran Tunai;
"Contactless Transaction"	Transactions whereby cards are utilized to pay for goods and services by tapping or waving the card at contactless readers/terminals;	"Transaksi Tanpa Sentuh"	Transaksi di mana kad digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan kad di pembaca/ terminal tanpa sentuh;
"Daily Limit"	Maximum limit allowed by the Bank for Cash Withdrawals and retail transaction made in one day;	"Had Harian"	Had maksimum yang dibenarkan oleh Bank bagi Pengeluaran Tunai dan transaksi runcit yang dibuat dalam satu (1) hari;
"Halal goods and services"	Goods and services that are acceptable and in line with the Shariah rules and principles;	"Barangan dan Perkhidmatan Halal"	Barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima dan mematuhi undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah;
"Issuer"	The Bank who has obtained approval from Bank Negara Malaysia under Section 11 of the Islamic Financial Services Act 2013 to issue Debit Card-i;	"Pengeluar"	Bank pengeluar Kad yang telah mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk mengeluarkan Kad Debit-i
"Internet Banking Service"	Online service where the Customer may access the Banking Services using personal computers or any electronic devices through an internet browser. This service shall be subject to the Terms and Conditions	"Perkhidmatan Perbankan Internet"	Perkhidmatan atas talian yang membolehkan Pelanggan mengakses Perkhidmatan Bank menggunakan komputer atau peranti elektronik peribadi melalui pelayar web. Perkhidmatan ini hendaklah tertakluk pada Terma

		of Bank Islam Malaysia Berhad Internet Banking Services.			dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Internet Bank Islam Malaysia Berhad.
	"Mastercard"	Mastercard Worldwide incorporated and organized under the laws of the State of Delaware, United States of America and having its principal office at 2000 Purchase Street, Purchase NY 10577 of which the Bank is principal member.		"Mastercard"	Mastercard Worldwide yang ditubuhkan dan diasaskan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat dan beribu pejabat di 2000 Purchase Street, Purchase NY 10577 yang mana Bank adalah ahli utama;
	"Member Banks"	Financial institutions that are members of Visa, Mastercard, PayNet or any other brand owners of which the Bank is a member;		"Bank Ahli"	Institusi kewangan yang merupakan ahli Visa, Mastercard, PayNet atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli;
	"MEPS"	Interbank network service provider in Malaysia that supports domestic, Islamic and foreign banks.		"MEPS"	Pembekal perkhidmatan bagi jaringan antara bank di Malaysia meliputi bank-bank tempatan, Islam dan luar negara.
	"Minimum Balance"	The minimum balance in the Account must be retained for Annual Fee debiting purposes.		"Baki Minimum"	Baki minimum dalam Akaun mestilah dikekalkan bagi tujuan mendebitkan Yuran Tahunan;
	"Minor Card"	Bank Islam Visa/Mastercard Debit Card-i issued to individual aged between 12 to 17 years old.		"Kad Minor"	Kad Debit-i Visa/Mastercard Bank Islam yang dikeluarkan kepada individu berumur antara 12 hingga 17 tahun.
	"MyDebit"	A card payment scheme that allows Cardholders to purchase goods / services at Authorised Merchants and to withdraw cash at Authorised Cash Outlets by debiting directly from the Cardholders' Account.		"MyDebit"	Skim pembayaran melalui kad yang membenarkan Pemegang Kad membeli barangan / perkhidmatan di Saudagar Sah dan mengeluarkan wang tunai di Pusat Pengeluaran Tunai Sah dengan mendebit terus daripada Akaun Pemegang Kad.
	"PayNet"	Payment Network Malaysia Sdn Bhd		"PayNet"	Payment Network Malaysia Sdn Bhd
	"PIN"	Personal Identification Number chosen by Cardholder via PINPAD or thereafter changed by the Cardholder through the ATM or any other channels as communicated by the Bank from time to time;		"PIN"	Nombor pengenalan peribadi yang dipilih oleh Pemegang Kad menerusi PINPAD atau yang kemudiannya ditukar oleh Pemegang Kad di ATM atau mana-mana saluran lain seperti

					yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
"PLUS"	Also known as Visa Plus and is an interbank network that covers all Visa credit, debit, and prepaid cards, as well as ATM cards issued by various banks worldwide;		"PLUS"	Juga dikenali sebagai Visa Plus dan yang merupakan rangkaian antara bank yang merangkumi semua kad kredit, kad debit dan kad prabayar Visa serta kad ATM yang dikeluarkan oleh pelbagai bank di seluruh dunia;	
"Ringgit Malaysia"	The lawful currency of Malaysia and used for all payments to be made under these Terms and Conditions;		"Ringgit Malaysia"	Mata wang sah Malaysia dan digunakan untuk semua pembayaran yang dibuat di bawah Terma dan Syarat ini;	
"SSPN-i"	Skim Simpanan Pendidikan Nasional, a savings scheme or instrument for higher education introduced by Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). This includes SSPN-i, SSPN-i Plus and/or other savings scheme that may be introduced by PTPTN from time to time;		"SSPN-i"	Skim Simpanan Pendidikan Nasional, merupakan satu skim atau instrumen simpanan untuk pendidikan tinggi yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Ini termasuk SSPN-i, SSPN-i Plus dan/atau skim simpanan yang mungkin akan diperkenalkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa;	
"Valid thru Date"	Valid Thru Date means the expiry date of Bank Islam Visa/ Mastercard Debit Card-i printed onto the Card;		"Tarikh Tempoh Sah"	Tarikh tempoh sah bermaksud tarikh tamat tempoh Kad Debit-i Visa/ Mastercard Bank Islam yang tertera di atas Kad;	
"Visa"	Visa International Service Association, a company incorporated in the State of Delaware, with its principal office at 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State of California, 94404, United States of America of which the Bank is a principal member;		"Visa"	Visa International Service Association, sebuah syarikat yang ditubuhkan di State of Delaware, beribu pejabat di 900 Metro Centre Boulevard, Foster City, State Of California, 94404, United States of America yang mana Bank adalah ahli utama;	
5. Interpretations (a) Words and expressions denoting the singular number only shall include the plural and vice versa and words and expressions denoting the masculine gender only shall include the feminine and neuter gender.			5. Tafsiran (a) Perkataan dan ekspresi yang merujuk kepada perkataan tunggal hendaklah termasuk perkataan majmuk dan sebaliknya. Perkataan dan ekspresi yang membawa maksud maskulin hendaklah termasuk perkataan yang membawa maksud feminin dan neutral.		

- (b) Reference to clauses and schedules shall unless otherwise expressly provided be references to Clauses of and the Schedules to these Terms and Conditions.
- (c) The headings in these Terms and Conditions are inserted for convenience only and shall be ignored in construing the provisions of these Terms and Conditions.

6. Application for the Card

- (a) Customers who have an Account with the Bank according to the minimum age below are eligible to apply for the Card:
 - Aged 12 years and above with Savings Account;
 - Aged 18 years and above with Current Account or transactional investment account.
- (b) For joint account, only account with instructions of "either to sign" is eligible to apply for the Card. Only ONE (1) card will be issued;
- (c) The registered owner of the sole-proprietor company with a current account opened in the Bank may only apply for ONE (1) card under its business name. The Card can only be held or used by the registered owner of the sole-proprietor company.
- (d) Applicant for the Card shall complete the application form and submit it to the Bank together with ATM old card (if any) or savings account passbook or Account statement and all relevant documents. Letter of indemnity signed by parents or guardians of minor (aged 12 – 17 years old) is required for the application of Minor Card.
- (e) Cardholder may create his own PIN at the Bank branch, or any other channels as communicated by the Bank from time to time.
- (f) In consideration of the Bank issuing the Card to the Cardholder, the Cardholder agrees to abide by the Terms and Conditions herein contained and any changes the Bank may impose from time to time.

- (b) Rujukan klausa dan jadual hendaklah merujuk Klausa dan Jadual Terma dan Syarat ini, melainkan dinyatakan sebaliknya secara jelas.
- (c) Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan hendaklah diabaikan dalam mentafsirkan peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.

6. Permohonan Kad

- (a) Pelanggan yang mempunyai Akaun dengan Bank mengikut umur minimum di bawah adalah layak memohon Kad:
 - Berumur 12 tahun ke atas untuk Akaun Simpanan;
 - Berumur 18 tahun ke atas untuk Akaun Semasa atau akaun pelaburan bertransaksi;
- (b) Untuk akaun bersama, hanya akaun dengan arahan " salah seorang untuk tandatangan " layak memohon Kad. Hanya SATU (1) kad akan dikeluarkan;
- (c) Pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal yang memiliki akaun semasa dengan Bank layak untuk memohon SATU (1) Kad di bawah nama syarikat perniagaan tunggal. Kad hanya boleh dipegang atau digunakan oleh pemilik berdaftar syarikat perniagaan tunggal tersebut.
- (d) Pemohon Kad hendaklah melengkapkan borang permohonan dan menghantarnya kepada Bank bersama dengan kad lama ATM (jika ada) atau buku akaun simpanan atau penyata Akaun dan segala dokumen yang berkenaan. Surat akuan ganti rugi juga perlu ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga untuk pemohon Kad Minor (yang berumur 12 hingga 17 tahun)
- (e) Pemegang Kad boleh mencipta PIN sendiri di cawangan Bank atau mana-mana saluran lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (f) Sebagai balasan pihak Bank mengeluarkan Kad kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan apa-apa perubahan yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa

- (g) If the Cardholder does not want to be bound by these Terms and Conditions, the Cardholder shall immediately return the Card to the Bank after cutting the magnetic stripe and the chip, with written notice that he/she is returning the Card for cancellation.

7. Shariah Compliance

- (a) All Muslim Cardholders are advised to observe Shariah compliance rules and principles while using the Card.
- (b) The Card cannot be used at non-halal merchants categorized by Merchant Category Codes (MCC) as below:-

MCC	DESCRIPTION
5921	Package Stores, Beer, Wine, Liquor
5967	Adult Content & Services
7261	Funeral Services and Crematories
7273	Dating, Escort Services
7297	Massage Parlours
7995	Betting (including lottery tickets, chips and gaming casinos, off-track betting and wagers and online gaming)
7802 / 9754	Government-Licensed Horse/Dog Racing (US Region only)
5993	Cigar Stores and Stands
7800	Government Owned Lottery (U.S. Region Only)
7801	Internet Gambling (U.S. Region Only)
9406	Government Owned Lottery (Specific Countries)

- (g) Sekiranya Pemegang Kad tidak mahu terikat dengan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad dengan serta-merta kepada Bank setelah memotong jalur magnetik dan cip pada Kad dengan notis bertulis bahawa pemulangan Kad adalah untuk pembatalan.

7. Pematuhan Shariah

- (a) Pemegang Kad yang beragama Islam dinasihatkan untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Shariah semasa menggunakan Kad.
- (b) Kad tidak boleh digunakan di saudagar yang dikategorikan sebagai tidak halal berdasarkan "Merchant Category Code" (MCC) seperti yang berikut:-

MCC	BUTIR-BUTIR
5921	Kedai Pakej, Bir, Wain, Arak
5967	Kandungan dan Perkhidmatan Dewasa
7261	Perkhidmatan Pengurusan Upacara Kematian dan Pembakaran
7273	Perkhidmatan Temu Janji dan Pengiring
7297	Pusat Urut
7995	Perjudian (termasuk tiket loteri, token dan permainan kasino, <i>off-track betting</i> , taruhan, dan permainan perjudian atas talian)
7802 / 9754	Perlumbaan Kuda/Anjing Berlesen Kerajaan (Wilayah A.S. Sahaja)
5993	Kedai dan Gerai Cerut
7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah A.S. Sahaja)
7801	Perjudian Dalam Talian (Wilayah A.S. Sahaja)
9406	Loteri Milik Kerajaan (Negara-Negara Tertentu)

8. Usage of the Card

- (a) The use of the Card is restricted to the Cardholder to whom the Card is issued for use at Authorised Merchants or any other brand owners of which the Bank is a member allowed to accept as a mode of payment. The Cardholder shall sign at the back of the Card immediately upon receipt of the Card.
- (b) The Cardholder shall not allow or empower any third party to use the Card and cannot transfer or relinquish control or ownership of the Card or use it for purposes not permitted by the Bank.
- (c) The Account of the Cardholder shall be debited when a purchase is made using the Card. The Card can be used to purchase goods and services in Malaysia and at more than 80 million merchants worldwide that display the Visa Plus/Mastercard logo, subject to daily default transaction limit (which may be changed by Cardholder from time to time) and the total amount of cash in the Account is sufficient to effect the transaction. The daily default transaction limit and its maintenance methods are available in Product Disclosure Sheet of Bank Islam Debit Card-i or as stated in the Bank's website. The Cardholder is responsible for ensuring sufficient funds in the Account before effecting the transaction.
- (d) The Cardholder may make an application to have access to Internet Banking Services, subject to the Terms and Conditions of Bank Islam Internet Banking Services.
- (e) The Cardholder is allowed to effect Internet transactions and make cash withdrawals at the Authorised Cash Outlets or Financial Institutions with the MyDebit, BANKCARD or MEPS and Visa

8. Penggunaan Kad

- (a) Penggunaan Kad adalah terhad kepada Pemegang Kad iaitu kepada siapa Kad tersebut dikeluarkan untuk penggunaan di Saudagar Sah atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank merupakan ahli yang dibenarkan untuk menerima Kad sebagai kaedah pembayaran. Pemegang Kad hendaklah menandatangani bahagian belakang Kad sejurus selepas menerima Kad tersebut.
- (b) Pemegang Kad hendaklah tidak membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan Kad dan tidak boleh memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan Kad, atau menggunakan Kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- (c) Akaun Pemegang Kad akan didebit apabila pembelian dibuat menggunakan Kad. Kad ini boleh digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan di Malaysia dan lebih daripada 80 juta peniaga di seluruh dunia yang memaparkan logo Visa Plus/Mastercard, tertakluk kepada had transaksi asal harian (yang boleh diubah oleh Pemegang Kad dari semasa ke semasa) dan jumlah tunai dalam Akaun mencukupi untuk melaksanakan transaksi. Had transaksi asal harian dan cara-cara untuk mengubah had ini boleh dirujuk di Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Debit-i Bank Islam atau seperti yang dinyatakan di laman web Bank. Pemegang Kad bertanggungjawab memastikan dana yang mencukupi dalam Akaun sebelum melaksanakan transaksi.
- (d) Pemegang Kad boleh melakukan permohonan untuk mendapatkan akses Perkhidmatan Perbankan Internet, tertakluk pada Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Internet Bank Islam.
- (e) Pemegang Kad dibenarkan melakukan transaksi internet dan pengeluaran tunai di Pusat Pengeluaran Tunai Sah atau institusi kewangan yang mempunyai logo MyDebit, BANKCARD

Plus (for Europay, MasterCard and Visa (EMV) transactions) logo. (f) Cash withdrawal (i) Cardholder can effect cash withdrawal transactions at the Bank cash outlets and at any Authorized Cash Outlets with the Visa/Mastercard/Visa Plus logo and MEPS logo. (ii) Any cash withdrawal made by the Cardholder shall be debited to the Account. (iii) To effect a Cash Withdrawal using the Card from any Authorised Cash Outlet, the Cardholder shall use the PIN to gain access to his/her Account. (iv) Cash withdrawal transaction can be performed subject to the transaction limit as stated in the Product Disclosure Sheet of Bank Islam Debit Card-i or in the Bank's website. (g) To effect a purchase from any Authorised Merchant, the Cardholder must key-in PIN or sign on a sales draft (where applicable) at the Authorised Merchant's sales terminal. (h) The Cardholder is allowed to perform interbank fund transfer at any Bank's ATM or other Financial Institutions' ATM that displays MEPS logo. (i) The Cardholder shall be liable to the Bank for all transactions effected using the Card and for all related fees debited to the Account subject to provisions clause 16 below. (j) The Cardholder shall use the Card only to effect retail transactions, payments for goods and services or cash withdrawals.	atau MEPS dan Visa Plus (untuk transaksi Europay, MasterCard and Visa (EMV)). (f) Pengeluaran Tunai (i) Pemegang Kad boleh melakukan transaksi pengeluaran tunai di pusat pengeluaran tunai Bank dan di mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai Sah yang mempamerkan logo Visa/Mastercard/ Visa Plus dan logo MEPS. (ii) Sebarang pengeluaran tunai yang dilakukan oleh Pemegang Kad akan didebitkan ke Akaun. (iii) Untuk melakukan Pengeluaran Tunai menggunakan Kad di mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai Sah, Pemegang Kad hendaklah menggunakan PIN untuk mengakses Akaun; (iv) Transaksi pengeluaran tunai boleh dilakukan tertakluk kepada had transaksi seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Debit-i Bank Islam atau di laman web Bank. (g) Untuk melakukan pembelian di mana-mana Saudagar Sah, Pemegang Kad mestilah memasukkan nombor PIN atau menandatangani draf jualan (yang mana terpakai) yang disediakan oleh Saudagar Sah. (h) Pemegang Kad dibenarkan melakukan pindahan dana antara bank di mana-mana ATM Bank atau ATM Institusi Kewangan lain yang memaparkan logo MEPS. (i) Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab kepada Bank atas kesemua transaksi yang dilakukan oleh Pemegang Kad menggunakan Kad dan bagi semua yuran berkaitan yang didebitkan ke Akaun termaktub di dalam klausa 16 di bawah. (j) Pemegang Kad hendaklah menggunakan Kad hanya untuk melaksanakan pembelian runcit, pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan atau pengeluaran tunai.
---	---

- (k) The Bank has the right to stop any transactions effected at non-halal merchants.
- (l) Easy Payment Scheme (EPS) transactions are prohibited with the Card.
- (m) All transactions shall be processed online, and the Current Balance can be viewed by the Cardholder at the ATM and via Internet Banking Services.
- (n) Cardholder should use the Card responsibly, including not using the Card for unlawful activity and follow Shariah Principle.
- (o) Cardholder shall check his/her account statement from time to time and report any discrepancy without undue delay.
- (p) Cardholder shall not write PIN or kept it in close proximity which could be easily taken/stolen/lost with the Card.
- (q) Cardholder shall not use birth date, identity card, passport, driving license or telephone numbers as Cardholder's PIN. Cardholder shall take reasonable precautionary steps to keep the Card and PIN secure at all times.
- (r) If there is a shortfall due to intermittent network issue or when there is a different authorisation amount than the settlement amount due to foreign currencies conversion rate or any unexpected shortfall encountered in the account when a transaction is effected by the Cardholder, the Bank has a right to withdraw from any Cardholder's account with sufficient funds. The Bank shall notify the Cardholder on the withdrawal.

- (k) Pihak Bank mempunyai hak untuk menyekat transaksi yang dilakukan di saudagar yang tidak halal.
- (l) Transaksi Skim Pelan Pembayaran Mudah (EPS) tidak dibenarkan menggunakan Kad.
- (m) Semua transaksi akan diproses secara atas talian, dan Baki Semasa terkini boleh dilihat oleh Pemegang Kad di ATM dan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet.
- (n) Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab atas penggunaan Kad termasuk tidak menggunakannya untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang dan mematuhi Prinsip Shariah.
- (o) Pemegang Kad hendaklah menyemak penyata Akaun dari semasa ke semasa dan membuat laporan sekiranya terdapat sebarang keraguan tanpa sebarang penangguhan.
- (p) Pemegang Kad tidak digalakkan menulis nombor PIN atau menyimpannya secara berdekatan yang membolehkan ianya mudah diambil/curi/hilang dengan Kad.
- (q) Pemegang Kad tidak digalakkan menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon sebagai nombor PIN. Pemegang Kad juga hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan Kad dan PIN sentiasa berada dalam keadaan selamat.
- (r) Sekiranya berlaku kekurangan baki disebabkan masalah rangkaian atau apabila terdapat perbezaan antara jumlah tunai sah dengan jumlah penyelesaian disebabkan kadar pertukaran mata wang asing atau sebarang kekurangan baki yang tidak dijangka dalam akaun sewaktu transaksi dilakukan oleh Pemegang Kad, Bank mempunyai hak untuk melakukan pengeluaran wang daripada sebarang akaun milik Pemegang Kad dengan Bank yang mempunyai baki mencukupi. Bank akan memberitahu Pemegang Kad mengenai pengeluaran tersebut.

- (s) Cardholder shall abide by the terms and conditions for the use of the Card.

9. Overseas Transactions

- (a) For security reasons, the Cardholder should notify the Bank each time the Cardholder travels overseas. The Cardholder shall also inform the Bank of his intention to be absent from Malaysia for more than thirty (30) days.
- (b) The Cardholder may use the Card for Cash Withdrawal at any designated Authorised Cash Outlets in approved countries.
- (c) Where the Cardmember uses the Card-i outside Malaysia, the transaction shall be charged in the official currency of the country concerned and will be converted to Ringgit Malaysia based on the prevailing exchange rate on the date the transaction is received and/or processed, plus 1.25% conversion fee on the converted Ringgit Malaysia amount. The prevailing exchange rate is as determined by Mastercard International or Visa International or any other brand owners of which the Bank is a member.
- (d) Wherever applicable, the Cardholder shall authorize the Bank to take necessary steps to comply with the relevant Foreign Exchange Policy issued by Bank Negara Malaysia in respect of any overseas transaction.

10. Participation In Overseas and Card-Not Present (CNP) transactions

- (a) Effective 1st January 2016, all Card-Not-Present (CNP) transactions which are not authenticated via strong authentication method and all overseas transaction were disabled in order to safeguard the interest of Cardholder.

- (s) Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat penggunaan Kad.

9. Transaksi Luar Negara

- (a) Atas dasar keselamatan, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank terlebih dahulu setiap kali Pemegang Kad hendak ke luar negara. Pemegang Kad juga hendaklah memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk berada di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari.
- (b) Pemegang Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai di mana-mana Pusat Pengeluaran Tunai Sah di negara-negara yang diluluskan.
- (c) Apabila Ahli Kad menggunakan Kad-i di luar Malaysia, transaksi tersebut akan dicaj dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan akan ditukar kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses, ditambah 1.25% fi penukaran pada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar. Kadar pertukaran semasa adalah seperti yang ditentukan oleh Mastercard International atau Visa International atau mana-mana pemilik jenama lain yang mana Bank adalah ahlinya.
- (d) Bagi yang mana berkenaan, Pemegang Kad hendaklah memberi kuasa kepada Bank untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan apa-apa transaksi luar negara.

10. Persetujuan Untuk Membenarkan Transaksi Luar Negara Dan Transaksi Tanpa Kad

- (a) Bermula 1 Januari 2016, sebagai langkah berjaga-jaga dalam melindungi Pemegang Kad, semua Kad akan disekat dari transaksi di luar negara dan transaksi tanpa kad yang tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi.
- (b) Pemegang Kad boleh memilih untuk membolehkan/meneruskan menikmati transaksi

(b) Cardholder may opt to enable/continue enjoying CNP transaction and/or overseas transaction via Bank Islam ATM or any other channels as communicated by Bank Islam from time to time. Alternatively Cardholder may visit nearest Bank Islam branch or call Contact Centre at 03 26 900 900.

(c) If Cardholder perform overseas and/or CNP transactions which are NOT using/bypassing '3D Secured' application process, Cardholders may face associated risks as follows:-

- i. Card information might be stolen and/or misused by others;
- ii. The stolen Card information might be used to perform series of unauthorized transactions.
- iii. The unauthorized transaction may affect Cardholder's ability to use the threshold limit until completion of the investigation.

(d) If the Cardholder uses the Card for purchase of good and/or services through internet sites or portals, the Cardholder shall be solely responsible for the security of such use at all times. The Cardholder agrees that the entry of the Card information in the internet sites or portals shall be sufficient proof of the authenticity of such instructions. The Bank shall not be liable for acting on such use of the Card regardless of whether the person is authorised or unauthorised and regardless of the circumstances prevailing at the time of the transaction subject to provision clause 14 below. However, the Bank reserves the right not to complete any such transaction via the internet sites or portals if the Bank has any reason to doubt its authenticity or if in its opinion it is unlawful or otherwise improper to do so or for any other reason.

tanpa kad dan/atau transaksi di luar negara melalui ATM Bank Islam atau mana mana saluran seperti yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, Pemegang Kad boleh mengunjungi cawangan Bank Islam yang berhampiran atau menghubungi Pusat Panggilan di 03 26 900 900.

(c) Jika Pemegang Kad melakukan transaksi luar negara dan/atau transaksi tanpa kad yang tidak melalui proses aplikasi '3D Secured', Pemegang Kad mungkin berhadapan dengan risiko yang berkaitan seperti yang berikut :-

- i. Maklumat kad mungkin dicuri dan/atau disalahgunakan oleh orang lain;
- ii. Maklumat kad yang dicuri mungkin digunakan untuk melakukan transaksi yang tidak disahkan.
- iii. Transaksi yang tidak disahkan boleh menjejaskan keupayaan pemegang kad untuk menggunakan had ambang sehingga selesai siasatan.

(d) Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan menerusi internet atau portal, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Pemegang Kad bersetuju bahawa pemasukan maklumat Kad dalam internet atau portal hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku termaktub di atas klausa 14 di bawah. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk tidak menyempurnakan transaksi sedemikian menerusi internet atau portal sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihannya atau berpendapat bahawa transaksi tersebut tidak sah di sisi undang-undang atau sebaliknya tidak wajar untuk dilakukan atau atas sebarang sebab lain.

11. Transaksi Tanpa Sentuh

(a) Melalui-rangkaian Visa/Mastercard

11. Contactless Transaction

(a) Via Visa/Mastercard network

(i) The “wave” function of Card (transaction with no PIN / signature is required) can be used at participating merchants with “wave” acceptance terminal for up to the limit as stated in Product Disclosure Sheet of Bank Islam Debit Card-i or in the Bank’s website.

(ii) Any transaction exceeding maximum/cumulative limit, the Cardholder must key-in PIN or sign on a sales draft (where applicable) at the Authorised Merchant’s sales terminal as per normal retail purchase. Cardholder may request to disable or enable the contactless function and manage his/her daily cumulative contactless transaction limit via Bank Islam’s ATM or any other channels as communicated by Bank Islam from time to time. Alternatively, Cardholder may visit nearest Bank Islam branch or call our Contact Centre at 03 26 900 900.

(b) Via MyDebit

(i) MyDebit contactless (transaction without PIN) function can be used at participating merchants with MyDebit contactless acceptance terminal for up to the limit as stated in Product Disclosure Sheet of Bank Islam Debit Card-i or in the Bank’s website.

(ii) Any transaction exceeding maximum / cumulative limit, the Cardholder must key-in PIN at the Authorised Merchant’s sales terminal as per normal retail purchase. Cardholders may request to disable or enable the contactless function and manage his/her daily cumulative contactless transaction limit via Bank Islam’s ATM any other channels as communicated by Bank Islam from time to time. Alternatively,

(i) Fungsi Kad “wave” (transaksi tanpa memerlukan PIN / tandatangan) boleh digunakan pada terminal saudagar yang mengambil bahagian dalam penerimaan transaksi “wave” sehingga had transaksi seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Debit-i Bank Islam atau di laman web Bank.

(ii) Sebarang transaksi yang melebihi had maksimum / kumulatif, Pemegang Kad mestilah memasukkan nombor PIN atau menandatangani draf jualan (yang mana terpakai) yang disediakan oleh Saudagar Sah seperti pembelian runcit biasa. Pemegang Kad boleh meminta untuk menyekat atau mengaktifkan ciri tanpa sentuh dan menentukan had kumulatif transaksi tanpa sentuh harian melalui ATM Bank Islam atau cara lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau menghubungi Pusat Panggilan melalui talian 03 26 900 900.

(b) Melalui MyDebit

(i) Pembayaran tanpa sentuh MyDebit (transaksi tanpa PIN) boleh digunakan pada terminal sudagar yang mengambil bahagian dalam penerimaan pembayaran tanpa sentuh MyDebit sehingga had transaksi seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Debit-i Bank Islam atau di laman web Bank.

(ii) Sebarang transaksi yang melebihi had maksimum / kumulatif, Pemegang Kad mestilah memasukkan nombor PIN di terminal yang disediakan oleh Saudagar Sah seperti pembelian runcit biasa. Pemegang Kad boleh meminta untuk menyekat atau mengaktifkan ciri tanpa sentuh dan menentukan had kumulatif transaksi tanpa sentuh harian melalui ATM Bank Islam atau cara lain yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa

Cardholder may visit nearest Bank Islam branch or call our Contact Centre at 03 26 900 900.

12. Account

- (a) The Bank shall maintain an Account for the Cardholder for each card held and all transactions effected by the use of the Card and any other fee shall be debited to the respective Account.
- (b) Account statement stating the transactions conducted shall be issued by the Bank to the Cardholder as per the Terms and Conditions of the respective accounts.
- (c) No charge levied for the original account statement.
- (d) The transaction details and account balance can be obtained via Internet Banking Services.
- (e) All transactions, records and entries in the Account Statement shall be considered correct and binding on the Cardholder unless the Cardholder notifies the Bank in writing of discrepancy (if any) in the Account Statement not later than fourteen (14) days from the date of the Account Statement.
- (f) The Cardholder shall promptly inform the Bank in writing of any changes to Cardholder's personal data such as but not limited to residential and/or office address and/or billing address, telephone numbers or change of employment.

13. Card Expiry

The Card is valid only up to the Valid Thru Date. The Cardholder shall ensure that upon the expiry of the Card, it is destroyed, by cutting it diagonally in half or return it to the Bank for replacement of Card. The issuance fee will be imposed for new issuance card subject to provision clause 16. Annual fee will not be

ke semasa. Sebagai alternatif, anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami atau menghubungi Pusat Panggilan melalui talian 03 26 900 900.

12. Akaun

- (a) Bank hendaklah menyelenggarakan Akaun Pemegang Kad bagi setiap Kad yang dipegang dan semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad dan sebarang yuran hendaklah didebitkan ke dalam Akaun berkenaan.
- (b) Penyata Akaun yang menyatakan transaksi yang dijalankan akan dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad, tertakluk pada Terma & Syarat Akaun tersebut.
- (c) Tiada caj yang akan dikenakan ke atas Penyata Akaun asal.
- (d) Butiran transaksi dan baki akaun boleh diperolehi melalui Perkhidmatan Perbankan Internet
- (e) Semua transaksi, rekod dan catatan dalam Penyata Akaun hendaklah dianggap sebagai betul dan mengikat Pemegang Kad melainkan Pemegang Kad memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang sebarang percanggahan (jika ada) dalam Penyata Akaun tidak lewat daripada empat belas (14) hari daripada tarikh penyata tersebut.
- (f) Pemegang Kad hendaklah dengan segera memberitahu Bank secara bertulis mengenai apa-apa perubahan kepada data peribadi Pemegang Kad seperti tetapi tidak terhad kepada alamat kediaman dan/atau alamat pejabat dan/atau alamat bil, nombor telefon atau pertukaran pekerjaan.

13. Kad Tamat Tempoh

Kad hanya sah sehingga Tarikh Tempoh Sah. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa selepas tamat tempoh kad, ia dimusnahkan, dengan dipotong dua atau dikembalikan kepada Bank untuk penggantian Kad. Yuran pengeluaran kad akan dikenakan untuk pengeluaran Kad baru tertakluk pada peruntukan klausa 16. Yuran

